




## GARIS PANDUAN PENGELOLAAN PERLAWANAN LIGA MALAYSIA TANPA PENONTON (PENCEGAHAN WABAK CORONAVIRUS DISEASE 2019 (COVID-19))

### BAHAGIAN 1: OPERASI PERLAWANAN

#### 1.1 SEBELUM LIGA DIMULAKAN


- I. Hanya Pegawai dan pemain pasukan yang telah menjalani Ujian Calitan atau *Swab Test* sebelum ini (keputusan saringan Latihan Fasa I dan Fasa II) dan disahkan bebas gejala sahaja dibenar untuk menyertai perlawanan.
- II. Venue wajib didaftarkan di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui pautan [notification.miti.gov.my](http://notification.miti.gov.my). Bukti pendaftaran hendaklah diserahkan kepada MFL.
- III. Venue telahpun menjalani proses sanitasi dan disinfeksi sebelum digunakan.
- IV. Sentiasa memantau tahap kesihatan pegawai dan pemain pasukan secara berkala.
- V. Bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan Negeri untuk membuat hebahan maklumat berkaitan COVID-19 melalui media cetak atau media sosial (infografik).
- VI. Hanya pegawai pasukan (8 orang) sahaja dibenarkan untuk duduk di bangku simpanan dengan mengekalkan penjarakkan fizikal 1 meter dan memakai pelitup muka. Rujuk gambarajah I. Doktor Pasukan dan Fisioterapis hendaklah memakai sarung tangan apabila membuat rawatan. Hanya Ketua Jurulatih sahaja tidak diwajibkan memakai pelitup muka.
- VII. Pegawai dan pemain pasukan yang tidak disenaraikan di dalam *team list* dibenarkan untuk memasuki stadium. Walau bagaimanapun, pegawai dan pemain tersebut hendaklah berdaftar dengan pasukan seperti di dalam *selection list*, telah menjalani ujian calitan (*swab test*) dan diluluskan oleh MFL. Kedudukan pegawai dan pemain tersebut adalah tempat duduk penonton, tidak bercampur dengan pemain simpanan dan hendaklah mengekalkan penjarakkan fizikal 1 meter.
- VIII. Pemain simpanan (9 orang) akan ditempatkan di tempat duduk penonton. Pasukan Tuan Rumah (PTR) hendaklah menanda tempat-tempat duduk tersebut dengan memastikan mengekalkan penjarakkan fizikal 1 meter dan memakai pelitup muka. Seperti di gambarajah II.

Bangku Simpanan (Tempat duduk Pegawai Pasukan)



Gambarajah I

Tempat duduk penonton (Tempat duduk Pemain Pasukan)



Gambarajah II

- IX. Pegawai dan Pemain Asing yang tiba di Malaysia hendaklah disaring mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN). Selepas 2 minggu Pegawai dan Pemain Asing hanya dibenarkan menyertai pasukan setelah disahkan tidak mengalami gejala.

## **1.2 PEMATUHAN**

- I. Semua SOP yang ditetapkan bagi pengelolaan perlawanan ini akan dikuatkuasakan oleh Komisioner Perlawanan yang dilantik oleh MFL yang akan dibantu oleh Koordinator Perlawanan dan Pegawai Penyelaras Pasukan.
- II. Pegawai Penyelaras yang dilantik oleh pasukan hendaklah memantau pematuhan semua SOP yang digariskan di peringkat pasukan.
- III. Pasukan harus jujur dan bertanggungjawab sepenuhnya di atas kesihatan pegawai dan pemain untuk menjalankan ujian saringan bagi memastikan pasukan bebas COVID-19.
- IV. Tindakan / Denda sewajarnya akan dikenakan ke atas Pasukan sekiranya didapati kecuai berlaku sehingga mengakibatkan wabak COVID-19 tersebar semasa perlawanan.
- V. SOP ini juga turut terpakai bagi perlawanan persahabatan.

## **1.3 PERLAWANAN PERSAHABATAN (BERMULA 2 OGOS 2020)**

- I. Pasukan hendaklah memaklumkan secara rasmi kepada MFL berhubung penganjuran perlawanan tersebut dengan menyatakan tarikh, masa, venue dan pasukan yang akan bermain. Pemakluman hendaklah dibuat sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum perlawanan.
- II. Pasukan hanya dibenar untuk mengadakan perlawanan di antara pasukan-pasukan CIMB Liga Super 2020 dan Liga Premier 2020 sahaja.
- III. Perlawanan tersebut hendaklah dimainkan tanpa penonton.
- IV. Hanya pegawai dan pemain pasukan yang berdaftar dan telah menjalani Ujian Calitan (*Swab Test*) dan diluluskan oleh MFL sahaja dibenar berada di dalam stadium/venue perlawanan.
- V. Perlawanan hanya dibenar diadakan di dalam Stadium/venue perlawanan tertutup sahaja dan berdaftar dengan MITI dan mendapat kelulusan MFL.
- VI. Penganjuran perlawanan di padang terbuka adalah sama sekali tidak dibenarkan.
- VII. Stadium/venue perlawanan tersebut hendaklah menjalani proses sanitasi dan disinfeksi sebelum perlawanan diadakan.

## 1.4 VENUE PERLAWANAN

- I. Tumpuan kawasan sanitasi dan disinfeksi kepada kawasan seperti bilik persalinan, tandas, bangku simpanan, bangku pegawai perlawanan, tempat duduk tetamu, bilik Komisioner Perlawanan, bilik siaraya, bilik pengulas dan kawasan-kawasan yang difikirkan perlu. Pegawai penyelaras pasukan hendaklah memastikan dan berada di venue ketika proses sanitasi dan disinfeksi dijalankan.
- II. Hanya 2 pintu keluar masuk dibenarkan. Masuk melalui pintu A dan keluar di pintu B.
- III. Sekiranya menggunakan 1 pintu masuk hendaklah mengekalkan penjarakkan fizikal 1 meter setiap masa serta membuat kawalan dan penjadualan ketika masuk dan keluar.
- IV. Kaunter saringan hendaklah dibuka di pintu masuk di luar venue perlawanan dan menyediakan alat pengesan suhu badan serta petugas yang mencukupi bagi menampung ketibaan pasukan Pasukan Tuan Rumah (PTR), Pasukan Pelawat, Pegawai Perlawanan, Petugas venue, Tetamu VVIP dan VIP bagi mengelakkan kesesakkan.
- V. Pegawai Penyelaras pasukan hendaklah memastikan keluar masuk di pintu-pintu tersebut dikawal bagi mengelakkan kesesakkan.
- VI. Pastikan mencatat rekod keluar, masuk dan suhu badan pegawai, pemain, petugas, tetamu dan media di dalam buku rekod yang disediakan sebelum memasuki venue perlawanan.
- VII. Pemakaian pelitup muka adalah diwajibkan kepada pegawai dan pemain pasukan, petugas, media dan pasukan keselamatan apabila memasuki stadium/venue perlawanan.
- VIII. Pasukan Tuan Rumah (PTR) hendaklah menyediakan pelitup muka, hand sanitizer dan sarung tangan pakai buang di bilik Persalinan, Bilik Pegawai Perlawanan dan terowong laluan pemain.
- IX. Mana-mana individu yang mencatatkan bacaan suhu badan melebihi 37.5°C, tidak dibenarkan masuk.
- X. Menyediakan *hand sanitizer* dan sabun di tempat yang difikirkan perlu (pintu masuk, tandas, tempat duduk pemain).
- XI. Individu yang tidak berkecuali tidak dibenarkan berada di venue, kecuali mendapat kebenaran MFL.
- XII. Tandas awam dan tandas bilik persalinan mestilah dikawal dan dihadkan penggunaannya.
- XIII. Pastikan setiap peralatan di venue sanitasi dan disinfeksi sebelum dan selepas perlawanan.
- XIV. Pasukan Tuan Rumah hendaklah menyediakan venue latihan yang telah berdaftar dengan MITI, telah menjalankan disinfeksi dan di luluskan oleh MFL kepada Pasukan Pelawat (PL).
- XV. Selain mencatatkan suhu badan secara manual, Pasukan digalakkan untuk meletakkan *QR code* di setiap pintu masuk venue sebagai contoh aplikasi MySejahtera bagi melancarkan perjalanan keluar masuk di venue pada hari perlawanan.


## 1.5 SEBELUM PERLAWANAN

- I. Doktor pasukan hendaklah memastikan pegawai dan pemain yang bergejala atau mencatatkan bacaan suhu badan melebihi 37.5°C tidak dibenarkan menyertai pasukan dan hadir ke venue perlawanan.
- II. Mana-mana individu yang merekodkan suhu badan melebihi 37.5°C serta mengalami gejala wabak Covid-19 seperti demam, batuk dan sakit tekak hendaklah terus dibawa segera ke klinik atau hospital berhampiran bagi tujuan pemeriksaan.
- III. Pegawai Penyelaras hendaklah memastikan bacaan suhu badan keatas pegawai dan pemain kedua-dua pasukan dibuat di tempat penginapan pasukan sebelum pasukan berlepas ke venue perlawanan. Saringan kedua akan dibuat di pintu masuk stadium/venue perlawanan.
- IV. Seterusnya, semua pegawai, pemain pasukan, pegawai perlawanan dan petugas stadium/venue perlawanan wajib menjalani saringan suhu badan dengan menggunakan alat pengesan suhu badan dan membersihkan tangan dengan menggunakan *hand sanitizer* sebelum memasuki stadium/venue perlawanan.
- V. Hanya 10 orang tetamu VVIP bagi Pasukan Tuan rumah (PTR) dan 6 orang tetamu VVIP bagi Pasukan Pelawat (PL) dibenarkan hadir untuk menyaksikan perlawanan. Hendaklah melalui pemeriksaan suhu badan dan memakai pelitup muka sepanjang berada di dalam stadium/venue perlawanan. Sekiranya kehadiran tetamu VVIP bagi PL atau PTR kurang dari kuota yang seperti yang telah ditetapkan maka, PTR atau PL berhak memenuhi kuota tersebut. Walau bagaimanapun, keutamaan hendaklah diberikan kepada PTR terlebih dahulu.
- VI. Tetamu-tetamu VVIP dan VIP dilarang memasuki bilik persalinan pada setiap masa.
- VII. Pegawai, pemain, petugas stadium, pengamal media, pasukan keselamatan serta mana-mana individu yang masuk ke venue perlawanan wajib memakai pelitup muka apabila tiba di venue perlawanan.
- VIII. Pemain hanya dibenar menanggalkan pelitup muka sebelum memulakan sesi pemanasan badan.
- IX. Bagi mereka yang bertugas di stadium/venue perlawanan hendaklah memakai pelitup muka sepanjang bertugas.
- X. Meminimakan perkongsian peralatan sukan.
- XI. Memastikan semua kemudahan di venue perlawanan (fasiliti stadium, tandas, bilik persalinan pasukan, bilik pengadil, bilik tetamu khas, bilik korporat dan bilik – bilik petugas) dipantau dan disanitasi dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri / Institusi Perubatan Swasta yang berdaftar secara berkala bagi mengelakkan risiko penyebaran COVID-19.
- XII. Pasukan yang tiba dahulu akan terus masuk ke venue perlawanan. Setelah selesai, pasukan seterusnya akan masuk. Pegawai penyelaras hendaklah memastikan proses keluar masuk ini berjalan dengan lancar dan elakkan menjadi tempat berkumpul.

- XIII. Bagi venue yang mempunyai ruang bilik persalinan yang terhad, pemain kesebelasan utama hendaklah masuk terlebih dahulu. Pemain simpanan akan bergerak ke padang permainan atau ke tempat duduk. Setelah pemain kesebelasan utama selesai, maka pemain simpanan dibenarkan masuk ke bilik persalinan dan hendaklah mengekalkan penjarakkan fizikal 1 meter.

## 1.6 SEMASA PERLAWANAN

- I. Pegawai dan pemain memastikan pematuhan jarak sosial sepanjang di dalam bilik persalinan, kawasan *Field of Play* (FOP) dan *Official Area* (OA).
- II. Perkongsian sebarang peralatan peribadi seperti botol minuman, tuala muka, tuala mandi atau alatan peribadi adalah tidak dibenarkan.
- III. Hanya pegawai pasukan sahaja dibenarkan duduk di bangku simpanan dengan mengekalkan penjarakkan fizikal 1 meter dan memakai pelitup muka.
- IV. Pemain simpanan hendaklah ditempatkan di tempat duduk penonton dengan mematuhi penjarakkan fizikal 1 meter dan memakai pelitup muka.
- V. Pengumuman barisan pemain, pertukaran pemain, penjaring gol dan lagu jaringan gol (MFL *anthem*) adalah dikekalkan.
- VI. Pegawai pasukan dan pemain simpanan hendaklah terlebih dahulu keluar dari terowong dan menuju ke tempat masing-masing.
- VII. Upacara perarakan masuk sebelum perlawanan adalah berjalan seperti biasa. Kedua-dua pasukan hendaklah masuk serentak di dahului dengan Pegawai Perlawanan. Pegawai Perlawanan mengadap pentas utama manakala, para pemain kedua-dua pasukan hendaklah berada di dalam posisi mengadap di antara satu sama lain. Seterusnya para pemain hendaklah tunduk hormat sambil tangan kanan berada di dada kiri setelah tiupan wisel oleh Pengadil Perlawanan. Lagu MFL *anthem* dibenar untuk dimainkan semasa perarakan masuk. Seterusnya para pemain mengambil tempat untuk sesi fotografi. Sila rujuk gambar rajah III.



Gambar Rajah III

- VIII. Tiada upacara nyanyian lagu pasukan dan lagu Negaraku.
- IX. Tiada sebarang upacara bersalaman sebelum dan selepas perlawanan.
- X. Upacara lentingan syiling (*toss coin*) hanya melibatkan Pengadil dan Ketua Pasukan kedua-dua pasukan sahaja. Penolong Pengadil dan Pegawai Ke-IV hendaklah menjalankan tugas pemeriksaan padang semasa upacara sedang berjalan.
- XI. Tiada upacara semangat pasukan (*team scrum*).
- XII. Pemungut bola dan pembawa *stretcher* hendaklah memakai sarung tangan dan pelitup muka sepanjang perlawanan.
- XIII. *Drink breaks* akan dilaksanakan pada minit ke-30 dan minit ke-75 dengan tidak melebihi 1 minit. Walau bagaimanapun, Pengadil Perlawanan mempunyai kuasa penuh untuk melaksanakan *drink breaks* pada masa yang bersesuaian semasa perlawanan.
- XIV. Menggalakkan jersi pemain ditukar pada masa waktu rehat separuh masa.
- XV. Pegawai dan pemain pasukan dilarang meraikan jaringan gol dengan kontak fizikal.
- XVI. Pegawai dan pemain hendaklah mengelakkan dari meludah dan membuang hingus sepanjang perlawanan.

## 1.7 SELEPAS PERLAWANAN

- I. Semua pegawai, pemain, petugas stadium dan pasukan keselamatan hendaklah meninggalkan venue perlawanan secepat mungkin dan memakai pelitup muka semasa keluar dari venue perlawanan.
- II. Semua bilik-bilik, peralatan sukan, bangku simpanan dan tempat duduk yang telah digunakan hendaklah disanitasi dan disinfeksi dan disimpan semula dalam keadaan yang baik di dalam stor.
- III. Bilik-bilik yang telah menjalani proses sanitasi dan disinfeksi hendaklah ditutup selepas proses tersebut.
- IV. Pertukaran jersi di antara pemain adalah dilarang sama sekali.
- V. Bagi pasukan yang bertandang ke venue tempat lawan adalah digalakkan untuk terus pulang ke negeri masing-masing selepas tamat perlawanan sekiranya perjalanan tidak mengambil masa yang lama. Contoh:
  - a. Melaka melawan Johor Darul Ta'zim
  - b. Pahang melawan Selangor
  - c. Kuala Lumpur melawan Negeri Sembilan

## 1.8 LARANGAN

- I. Tiada penjualan tiket atau pemberian tiket percuma.
- II. Perlawanan hendaklah dilangsungkan tanpa penonton.

## 1.9 KOMPOSISI PETUGAS YANG DIBENARKAN

Dalam hal yang berkaitan, PTR juga dikehendaki untuk mematuhi dan memastikan pecahan tenaga petugas seperti di bawah untuk terlibat dalam kerja-kerja pengelolaan perlawanan. Senarai petugas yang dibenarkan adalah seperti yang berikut:-

NO	JAWATAN	SEBENAR	PKPP
1.	Komisioner Perlawanan	1	1
2.	Koordinator Perlawanan	1	1
3.	Penolong Koordinator Perlawanan	1	1
4.	Pemain Pasukan A	30	30
5.	Pegawai Pasukan A yang berdaftar	15	15
6.	Pemain Pasukan B	30	30
7.	Pegawai Pasukan B yang berdaftar	15	15
8.	Delegasi Pasukan/Tetamu VVIP	30	10(PTR) 6 (PL)
9.	Pegawai Pemantau FAM / MFL	4	2
10.	Pegawai Perlawanan: Pengadil, Penolong Pengadil, Pegawai Ke-4, Penolong Pengadil Tambahan dan Penilai Pengadil	6	6
11.	Pegawai Penyelaras	-	1
12.	Sekretariat PTR	5	3
13.	Juruhebah	1	1
14.	Juruaudio	1	1
15.	Media	15	15
16.	Pegawai Media Pasukan Tuan Rumah	2	1
17.	Jurugambar	15	10
18.	Jurugambar Rasmi (OP) MFL	2	2
19.	Jurugambar Pasukan Tuan Rumah	2	1
20.	Pegawai Keselamatan	1	1
21.	Pegawai Pemasaran	3	1
22.	Pegawai Teknologi Maklumat	2	1
23.	Pegawai / Petugas Stadium	30	20
24.	Polis / FRU / RELA / Bomba (Tertakluk kepada keputusan Ketua Polis Daerah)	50 (anggaran)	15 (anggaran)
25.	Doktor Venue	1	1
26.	Pembantu Perubatan	2	1
27.	Pengusung Stretcher	8	8
28.	Pemandu Ambulan	2	2
29.	Penyelia Pemungut Bola	1	1
30.	Pemungut Bola	10	6
31.	Penerbitan TV	30 (anggaran)	20 (anggaran)
32.	Pegawai Perhubungan	3	2
33.	Tetamu/Petugas MFL (sekiranya ada)	-	Akan dimaklumkan
<b>JUMLAH</b>		<b>319</b>	<b>231</b>

## 1.10 VENUE PASUKAN

CIMB LIGA SUPER 2020		
NO	VENUE	PASUKAN
1	STADIUM SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN, KSNT GONG BADAQ, KUALA TERENGGANU	TERENGGANU FC
2	STADIUM BOLASEPAK KUALA LUMPUR, CHERAS	PDRM
3	STADIUM MBPJ PETALING JAYA	PJ CITY FC
4	STADIUM PERAK, IPOH	PERAK
5	STADIUM DARUL MAKMUR KUANTAN, PAHANG	PAHANG
6	STADIUM SULTAN IBRAHIM, ISKANDAR PUTERI	JOHOR DARUL TA'ZIM
7	STADIUM TUN ABDUL RAZAK, JENGA	FELDA UNITED FC
8	STADIUM HANG JEBAT, MELAKA	MELAKA
9	STADIUM DARUL AMAN	KEDAH
10	STADIUM LIKAS, KOTA KINABALU	SABAH
11	STADIUM UiTM, SHAH ALAM	UiTM FC
12	STADIUM UiTM, SHAH ALAM	SELANGOR

LIGA PREMIER 2020		
NO	VENUE	PASUKAN
1	STADIUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH, KUALA TERENGGANU	TERENGGANU FC II
2	STADIUM BOLASEPAK KUALA LUMPUR, CHERAS	KUALA LUMPUR
3	STADIUM MBPJ PETALING JAYA	SELANGOR 2
4	STADIUM MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG	PERAK II
5	STADIUM TAN SRI DATO' HJ. HASSAN YUNOS LARKIN	JOHOR DARUL TA'ZIM II
6	STADIUM NEGERI, KUCHING	SARAWAK UNITED FC
7	STADIUM SARAWAK, KUCHING	KUCHING FA
8	STADIUM BANDARAYA, PULAU PINANG	PULAU PINANG
9	STADIUM TUANKU ABDUL RAHMAN, PAROI	NEGERI SEMBILAN
10	STADIUM SULTAN MOHAMMAD KE-IV	KELANTAN
11	STADIUM SULTAN MOHAMMAD KE-IV	KELANTAN UNITED FC
12	STADIUM MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG	UKM FC

 Venue yang dikongsi oleh dua pasukan




## BAHAGIAN 2: MEDIA

### 2.1 AKSES KEMASUKAN KE STADIUM

- I. Hanya 15 orang pengamal media dibenarkan masuk ke venue perlawanan dan hendaklah berdaftar dengan Pegawai Media Pasukan Tuan Rumah (PTR) sehari sebelum perlawanan.
- II. Petugas media WAJIB menggunakan Kad Akreditasi Liga Malaysia 2020.
- III. Kehadiran petugas media WAJIB direkodkan. (Nama penuh, no telefon dan organisasi)
- IV. Petugas yang merekodkan suhu badan melebihi 37.5°C serta mengalami gejala wabak Covid-19 seperti demam, batuk dan sakit tekak tidak dibenarkan masuk ke venue perlawanan.
- V. Petugas media WAJIB memakai pelitup muka sepanjang bertugas.

### 2.2 SEBELUM PERLAWANAN

- I. Petugas media tidak dibenarkan untuk buat rakaman di tempat ketibaan.
- II. Petugas media tidak dibenarkan untuk membuat temu ramah pemain sebelum perlawanan.
- III. Petugas media WAJIB duduk di media tribun dan perlu mengamalkan penjarakan sosial sekurang-kurangnya satu (1) meter.
- IV. Petugas media tidak dibenarkan duduk di dalam bilik media.
- V. Jurufoto mesti mengamalkan penjarakan sosial ketika mengambil gambar pemain masuk ke padang permainan dan juga ketika berada di dalam sebarang kedudukan di sepanjang tempoh permainan.
- VI. Pegawai Media PTR hendaklah menandakan tempat bertugas petugas media dengan mengekalkan penjarakan fizikal.
- VII. Sesi bergambar berkumpulan (*group photo*) adalah dibenarkan dan perlu penjarakan fizikal 1meter seperti gambar rajah IV.



Gambar Rajah IV

VIII. Petugas media WAJIB memakai pelitup muka sepanjang bertugas.

### **2.3 SEMASA PERLAWANAN**

- I. Jurufoto dan juruvideo dibenarkan untuk berada disepanjang garisan belakang papan iklan (kecuali belakang gol) untuk merakam perlawanan.
- II. Jarak jurufoto/juruvideo dengan jurufoto/juruvideo yang lain sekurang-kurangnya mestilah satu 1 meter.
- III. Bagi juruvideo yang membuat rakaman dari pentas utama juga harus mengamalkan penjarakan sosial satu 1 meter.
- IV. Jurufoto/juruvideo yang bertukar tempat semasa separuh masa perlulah menunggu sehingga pemain dan pegawai perlawanan selesai masuk ke bilik persalinan dan perlu menjaga jarak sosial yang disarankan.
- V. Pegawai Media PTR hendaklah memantau pematuhan SOP dan penjarakkan fizikal petugas media sepanjang perlawanan.
- VI. Petugas media WAJIB memakai pelitup muka sepanjang bertugas.

### **2.4 SELEPAS PERLAWANAN**

- I. Bilik sidang media perlu dihadkan jumlahnya kepada petugas media mengikut keluasan bilik serta mengamalkan penjarakan sosial.
- II. Jarak antara petugas media adalah satu (1) meter.
- III. Jarak antara petugas media dan meja sidang media dua (2) meter.
- IV. Petugas media tidak dibenarkan membuat temuramah di luar dari Bilik Sidang Media selepas tamat sidang media.
- V. Petugas media tidak dibenarkan untuk menunggu di ruang Mixed Zone.
- VI. Pegawai Media PTR hendaklah memastikan dan memantau pelaksanaan SOP tersebut.
- VII. Petugas media WAJIB memakai pelitup muka sepanjang bertugas.

## 2.5 AKSES MEDIA

AKSES MEDIA	√	X	CATATAN
Pintu Masuk	√		Rekod kehadiran, periksa suhu badan dan memakai pelitup muka.
Ketibaan Pemain		X	Tidak dibenarkan
Tribun Media	√		Kedudukan jarak petugas media SATU (1) METER
Bilik Pusat Media		X	Tidak dibenarkan
Bilik Persalinan Pemain		X	Tidak dibenarkan
Kedudukan jurufoto & juruvideo	√		Kekalkan jarak SATU (1) METER dengan petugas media yang lain.
Bilik Sidang Media	√		Kekalkan jarak SATU (1) METER dengan petugas media yang lain dan DUA (2) METER dengan meja sidang media.
Mixed Zone		X	Tidak dibenarkan

## BAHAGIAN 3: PENYIAR RASMI

### 3.1 SEBELUM PERLAWANAN

- I. Kesemua Petugas Penyiaran yang terlibat bagi siaran langsung setiap perlawanan akan menjalani saringan kesihatan yang disediakan oleh Pasukan Tuan Rumah serta mengamalkan penjarakan sosial yang ditetapkan serta memakai pelitup muka di setiap masa.
- II. Petugas yang merekodkan suhu badan melebihi 37.5°C serta mengalami gejala wabak Covid-19 tidak dibenarkan masuk.
- III. Siaran akan dimulakan dengan rakaman video ketibaan pasukan tuan rumah dan pasukan pelawat turun dari bas dan terus ke kaunter saringan kesihatan. Jurukamera mesti menggunakan pelitup muka serta menjaga penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter.
- IV. Temuramah rasmi bersama Ketua Jurulatih dan Pemain akan dilakukan di tempat terbuka seperti di tepi kawasan padang dengan seperti berikut :
  - a. Sesi temuramah diadakan di tepi padang permainan dan penemuramah mesti memakai 'pelitup muka' di sepanjang sesi tersebut dan perlu memastikan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1meter daripada pemain atau ketua jurulatih (**Ketua Jurulatih / Pemain disarankan untuk memegang mic sendiri**).
  - b. Rakaman di bilik persalinan akan dibuat secara langsung oleh seorang jurukamera atau penggunaan kamera statik yang akan dipasang di bilik persalinan untuk mengambil rakaman video sepanjang masa tanpa audio.
  - c. Penggambaran video di terowong stadium sebelum pemain-pemain memasuki kawasan padang akan dilakukan secara langsung oleh jurukamera dengan mematuhi perjarakan sosial ataupun dengan menggunakan kamera statik yang akan diletakkan di terowong stadium untuk mendapatkan visual.

### 3.2 SEMASA PERLAWANAN

Temubual sejurus tamat separuh masa pertama bersama Ketua Jurulatih atau wakil dari pasukan akan dilakukan di tepi Kawasan padang permainan dengan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter. **(Ketua Jurulatih / Wakil Pasukan disarankan untuk memegang mic sendiri. Mic akan sentiasa dibersihkan dan disanitasi sebelum dan selepas digunakan)**

### 3.3 SELEPAS PERLAWANAN

Sejurus selepas tamat perlawanan, sesi temuramah Bersama Ketua Jurulatih pasukan akan dilakukan di tepi Kawasan padang permainan dengan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 2 meter. **(Ketua Jurulatih / Wakil Pasukan disarankan untuk memegang mic sendiri)**